

KAMPUS

+ KITA JUGA ADA CERITA +



Erti nilai merdeka

Universiti jadi penanda aras semangat patriotisme dalam diri masyarakat

Esok genap negara kita menyambut Hari Kemerdekaan ke-60. Sama ada dipaksa, terpaksa atau jadi ikutan, sana-sini kebiasaan kita melihat sambutanannya dilakukan sepanjang Ogos ini.

Bagi pejuang kemerdekaan dan mereka yang menghadapi detik-detik mendapatkan kemerdekaan negara, pastinya sambutan dan semangat kenegaraan berkait rapat dengan nilai sentimental untuk terus diingati serta diambil peduli.

Namun timbul kebimbangan, generasi kini yang sejak lahir

sudah hidup selesa di bawah negara berdaulat tanpa ancaman penjajah, semakin melupakan jerit perihnya mengecap kemerdekaan, sekali gus semangat patriotisme kian terhakis.

Tambahan di universiti, tugas mahasiswa perlu fokus mencari ilmu. Jangan dek negara sudah merdeka, terdetik dalam hati 'ada aku kesah?'. Apalagi menara gading jadi penanda aras bagaimana sikap masyarakat kita terhadap nilai semangat kemerdekaan ini.

Lihat halaman 4 & 5



Cabaran kekal semangat patriotisme

IPT, media main peranan perbetulkan gangguan dan keclaruan pada sistem nilai

Sejauh mana penghayatan semangat patriotisme ada pada setiap daripada kita? Perlu kah semangat ini dijemlakan melalui tindakan dan dizahirkan melalui sikap kita dalam kehidupan harian? Inilah persoalan sering kali dibangkitkan apabila menjelang sambutan Bulan Kemerdekaan setiap tahun.

Apa lagi negara kita sudah merdeka dan berdaulat sejak 60 tahun lalu. Kita dilihat hanya berbangga dengan pembangunan dan kemajuan dikecap hari ini sebagai ukuran pencapaian kita.

Segelintir tidak menghiraukan soal mengekalkan keamanan, ambil peduli maruah negara, keharmonian, hinggakan ada sudah berani mengetepikan soal perpaduan apabila bersuara dan tidak kisah sensitiviti agama dan bangsa.

Isu berbangkit dikaitkan dengan gangguan dan keclaruan pada sistem nilai ketika ini terutama akibat pengaruh media sosial dalam zaman digital kini.

Perlu dinamik

Penolong Naib Canselor (Perancangan, Strategik dan Perhubungan Korporat) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof Madya Dr Afandi Ahmad berkata, peranan universiti amat meluas apabila memperkatakannya dalam konteks kemerdekaan.

"Saya lebih bersetuju jika peranan universiti bukan sekadar pemangkin, kerana

pemangkin itu menjadi satu faktor yang mempercepat atau memperlambatkan sesuatu tindakan. Yang lebih saya percaya universiti sepatutnya menjadi peneraju, ketua dan pemimpin kepada perubahan masyarakat.

"Kita ada akses pendidikan yang banyak, adakah kita telah memanfaatkan bajet diperuntukkan untuk menjadikan universiti sebagai peneraju kepada masyarakat, atau kita sama saja macam kumpulan yang mungkin tidak dapat peluang untuk berada di universiti? Jadi saya kuat hendak mengatakan universiti bukan hanya sebagai pemangkin, tetapi mesti berada di barisan hadapan.

"Tindakan-tindakan universiti mestilah memperlihatkan agenda-agenda negara. Kalau di



universiti, konteks kemerdekaan tak dapat dihadam ahlinya, kita sangat bimbang ia sebagai isyarat, keadaan di luar sana barangkali jauh lebih membimbangkan," katanya.

Beliau yang juga panel dalam program Sembang Siswa Sinar Harian-UTHM bertajuk, *Negaraku. Tanah Lelehuurku. Jiwa Ragaku: Apa Peranan IPT Dan Media*, berkata demikian semasa forum yang berlangsung di UTHM, Parit Raja, Johor, Khamis lalu.

Dua lagi ahli panel program dikhendalkan moderator yang juga Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Umum



dan Kokurikulum UTHM, Ku Hasnan Ku Halim itu ialah, Ketua Pengarang *Sinar Harian*, Norden Mohamed dan Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UTHM, Amzar Aizat Allias.

Dalam pada itu, mengulas cabaran IPT hari ini, Afandi menyifatkan mahasiswa kini bersifat sukan sesuatu yang *instant* (segera) dan kesegeraan ini banyak disorong oleh apa berlaku di persekitaran, menyebabkan pihak IPT juga perlu mendepani situasi terbahit.

"Ketika kita sedang bercakap dalam forum ini juga pelaporan seantero dunia (*FB Live*) sedang berlaku menunjukkan kesegeraan itu berlaku. Apa kita nak tunjukkan, cabaran universiti tak macam dulu. Dulu masa zaman kami berkuliah, sesuai dengan jawatannya, tugas pensyarah hanya bersyarah sahaja.

"Tetapi hari ini tanpa revolusi 1.0, 2.0, tahun ini kita terus dikejutkan dengan 4.0. Itu baru cabaran mengenai maklumat, data dan teknologi. Belum lagi cabaran pensyarah misalnya untuk bawa mesej kemerdekaan," katanya.

Menurutnya, paling dibimbangkan sikap penuntut terlalu taasub dengan hanya mendalami bidang pengajian masing-masing, tanpa merasakan perlu apa khuatir mengenai negara kerana Malaysia sudah 60 tahun merdeka.

Afandi berkata, sangat membimbangkan apabila cawan kemerdekaan tidak dapat dipenuhi kerana banyak lubang hingga airnya tidak penuh-penuh iaitu mengaitkan dengan situasi generasi berubah, menyebabkan cabaran juga berubah.

"Dalam hal ini barangkali roh kemerdekaan tidak dapat digambarkan dengan fizikal. Kita bimbang fizikal merdeka, tetapi ketauhidan itu,



Dari kiri: Afandi, Norden dan Amzar.

tidak seperti yang digembar-gemburkan.

"Saya melihat dalam beberapa konteks. Pertama, kita perlu akui usaha-usaha dibuat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) hari ini sangat baik. Ikut slogan *Soaring Upwards* (peningkatan berterusan), memang banyak berlaku. Banyak bukti universiti bukan sekadar untuk dapat lulusan pengajian sahaja, tetapi membangun potensi individu untuk kejayaan sesebuah negara," katanya.

Justeru menurutnya, peranan universiti perlu dilipatgandakan, misalnya dengan memperkasakan aspek kesukarelawan selain menjadi agen perubahan masyarakat.

Acuan masyarakat

Sementara itu, Norden berkata, sejak sebelum merdeka lagi media berperanan menyiar, mengungkap dan jadi pemangkin kepada mereka yang hendakkan maklumat.

Menurutnya, sehingga tahun 70-an akhbar berperanan menghebahkan, menggalakkan dan menjadi acuan untuk memupuk semangat kenegaraan dan membina masyarakat.

"Bagaimana didik melalui media... sejak dulu media mempunyai pertalian secara langsung atau tak langsung dengan pemerintah. Sebelum dapat lesen perlu ikut peraturan. Dalam banyak situasi dan hal, kita banyak ikut apa disarankan oleh pemerintah.

"Akhbar berperanan mendidik bukan sekadar penyampai. Misalnya, pada hari ini, bila ada sesuatu tular tidak betul, kita perlu berperanan periksa dan sampaikan yang sahih kepada masyarakat. Contohnya dalam *Sinar Harian* kita ada kolom *Fakta dan Auta*. Kita bukan hanya berperanan sampaikan berita rakyat dan pemerintah," katanya.

Mengulas pertanyaan moderator berhubung keutamaan media dalam menyajikan informasi berkait kemerdekaan, menurutnya, asasnya adalah berita sahih yang mempunyai informasi dan maklumat.

Norden berkata, keutamaan adalah ketepatan, ketulusan dan ketelusan, serta bukan bergantung kepada perkara sensasi.

"Saya hendak katakan benda ini adalah sukar, ia adalah satu perjuangan yang tak akan selesai. Peranan akhbar peringkat awal menyampai dan memupuk, kemudian membetulkan, sekarang ini kita lihat ada keberkesannya.

"Masyarakat kita pun mudah faham, bahawa apa disampaikan kepada mereka itu tepat dan betul. Konteks media dan cabarannya memang besar, termasuk apabila berdepan industri 4.0," katanya.

Menurutnya, biasanya masyarakat memilih apa mereka kehendaki dan perkara dibimbangi mereka hanya mengikut apa sahaja sumber diterima seumpama zombie.

Sambil lewa

Mengulas sikap mahasiswa IPT hari ini, Amzar berkongsi, malangnya golongan itu kini ramai lebih suka bersikap sambil lewa dan melayan perkara-perkara tular.

Mengakui semangat perjuangan dan peranan mahasiswa dahulu, menurutnya situasinya tidak sama seperti siswa sekarang, yang hanya memperjuangkan sesuatu hanya untuk berikn impak baik pada diri sendiri.

"Dulu semangat mahasiswa tinggi walaupun miskin dan diperlekehkan, apa dipelajari dicurahkan kepada masyarakat selepas tamat pengajian. Mahasiswa sekarang realitinya masuknya saja di universiti, matlamatnya harapkan cepat habis belajar.

"Habis saja kita nak kahwin, ada rumah, kereta dan sebagainya, itu sahaja. Perbezaannya sangat kelara. Ia membuatkan kita seolah-olah mahasiswa yang

cetek pemikiran. Sedangkan sebagai mahasiswa yang holistik, semangat kita patut seperti siswa dahulu, jadikan universiti platform kita beri



NORDEN

REAKSI



“ Saya rasa semasa di sekolah dahulu, semangat ini lebih mudah dipupuk, tapi di universiti kita perlu 'bina' sendiri. Penting untuk kita sebagai pelapis kepimpinan untuk buka mata dan minda supaya perbaiki dalam diri.”

- Nuriyana Mohd Arifin, 25

“

IPT dan media perlu sama main peranan pupuk rasa ingin kekal semangat perpaduan dan patriotisme kalangan orang kita. Saya percaya semangat ini patut diterajui mahasiswa terlebih dahulu supaya dapat diikuti masyarakat di luar sana.”

- Alan Chai Ngee Lung, 24



“

Arus teknologi makin maju, namun kita makin kurang hayati semangat kemerdekaan. Misalnya untuk dapatkan sukarela ke arah ini pun kurang, jika ada terlibat pun kerana harapkan imbuhan. Penting pupuk semangat sayangkan negara.”

- Muhammad Amirul Ahmad Fauzi, 19



“

Mahasiswa hari ini banyak fikiran keseronokan. Pada saya peranan rakan sebaya melalui NGO berkaitan di universiti perlu ditubuhkan untuk kembali menyemarakkan semangat patriotisme dan cintakan negara ini.”

- Fakhriah Razali, 24



sumbangan bukan saja pada diri kita, tetapi masyarakat, bangsa, agama dan negara,” katanya.

Menurutnya, mahasiswa perlu sedar mereka sebenarnya pewaris kepimpinan.

Amzar berkata, mahasiswa bukan hanya harus mementingkan akademik, tetapi cara pemikiran dan bergerak seiring zaman.

"Perlu ambil inisiatif cari ilmu bergerak lebih jauh. Mahasiswa harus tanamkan sikap untuk negara kekal harmoni dan sejahtera. Jika tidak kita generasi muda, siapa lagi.

"Mahasiswa harus ambil peluang kerana masyarakat menganggap mereka golongan intelektual, sentiasa memberi gambaran lebih dekat dan tanda aras kepada masyarakat untuk hidup lebih selesa," katanya.

Menurutnya, masyarakat sebelum ini bergantung pada media konvensional, tapi kini media sosial jadi pilihan nombor satu.

Justeru dia menganggap mahasiswa dan media sosial juga tidak boleh terpisah, biarpun perjuangan dahulu dan sekarang berbeza.

"Tetapi ada juga mahasiswa di takuk lama. Masih memikirkan untuk mengancam dan menjatuhkan negara. Ini tidak patut berlaku. Kita tak harungi sebelum zaman merdeka dan faham bagaimana dapat kemerdekaan, kita senang lenang jatuhkan negara sendiri.

"Adakah itu cara terbaik supaya negara jadi lebih maju? Buah fikiran, kreativiti dan tahap pemikiran kita berbeza. Saya percaya jika nak jadi pendesak harus kena cara dengan kaedah intelektual," katanya.